

**TERMA DAN SYARAT AM BAGI
DEPOSIT BERTEMPOH-I
(Tarikh Berkuatkuasa: 1 Julai 2023)**

Terma dan Syarat Am yang dinyatakan di sini akan digunakan bagi semua produk Deposit Bertempoh-i ("TD-i") yang disediakan oleh Bank. Bank boleh memperkenalkan TD-i dengan terma lanjut dan ciri-ciri berbeza dari semasa ke semasa. Setiap ciri, manfaat, peruntukan, terma dan syarat tertentu ('Terma dan Syarat Khusus') untuk perkara yang sama boleh didapati dalam terma dan syarat, borang, risalah produk, bahan promosi, media pengiklan atau laman web Bank.

1.0 AM

1.1 Terma dan Syarat Am ini adalah tertakluk ke atas semua produk Deposit Bertempoh-i ("TD-i") yang dibuka dan diselenggarakan oleh Pemegang Akaun dengan Bank. Dengan membuka, mengekalkan dan mengguna Akaun ini, Pemegang Akaun dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

1.2 Kesemua produk ini adalah tertakluk di bawah undang-undang Malaysia yang terpakai dan prinsip-prinsip Syariah.

2.0 DEFINISI

Di dalam Terma dan Syarat Am ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud yang dikhususkan ke atas mereka, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

'**Akaun**' bermaksud Pemegang Akaun TD-i yang dibuka dan diselenggarakan dengan Bank. Produk-produk ini adalah ditadbir oleh Terma & Syarat ini.

'**Pemegang Akaun**' bermakna Entiti yang mana Akaun dibuka dan diselenggarakan oleh Pemegang Akaun dengan Bank.

'**Baki Tersedia**' bermaksud jumlah yang terdapat di dalam Akaun berdasarkan rekod Bank.

'**Bank**' bermaksud MBSB Bank Berhad, termasuk hak terdahulu, pengganti hak milik dan penerima serah hak.

'**BNM**' bermaksud Bank Negara Malaysia dan termasuk subsidiari-subsidiari dan biro-biro yang telah ditubuhkan olehnya.

'**Akaun Korporat**' bermaksud Akaun yang telah dibuka dan dikendalikan oleh sebuah syarikat.

'**Deposit Bertempoh-i (TD-i)**' bermaksud Deposit Bertempoh yang ditawarkan oleh Bank kepada Pemegang Akaun termasuk dan tidak terhad kepada *Deposit Bertempoh-i*, *Deposit Bertempoh-i Junior* dan mana-mana Deposit Bertempoh yang lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa

'**Tarikh Berkuatkuasa**' bermaksud tarikh pelaksanaan Terma dan Syarat Am ini, iaitu pada 23 Disember 2022.

'**Entiti**' bermaksud dan tidak terhad kepada orang biasa, perkongsian, pemilik tunggal, firma, syarikat, perbadanan korporat, persatuan/anggota yang tidak diperbadankan, amanah, organisasi, badan berkanun, entiti kerajaan, negeri/agensi negeri dan entiti lain yang diiktiraf di bawah undang-undang Malaysia.

'**Terma dan Syarat Am**' bermaksud Terma dan Syarat Am untuk Akaun ini.

'**Akaun Bersama**' bermaksud Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh dua / lebih orang biasa.

'**Pemegang Akaun Bersama**' bermaksud Pemegang Akaun di dalam Akaun Bersama.

'**Akaun Perkongsian**' bermaksud Akaun yang dibuka dan dikendalikan oleh perkongsian.

'**Perkhidmatan**' bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berhubung dengan Akaun atau berdasarkan arahan daripada Pemegang Akaun atau melalui ATM, mesin deposit tunai, mesin deposit cek, telefon, telefon bimbit dan internet.

'**Terma dan Syarat Khusus**' bermaksud terma dan syarat yang khusus terpakai bagi Akaun dan / atau Perkhidmatan tertentu.

3.0 SUMBER DANA

3.1 Akaun ini mestilah dikendalikan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah. Pemegang Akaun bertanggungjawab sepenuhnya dan mengambil akauntibiliti untuk memastikan bahawa mana-mana dan semua dana yang dideposit dan dipindahkan oleh Pemegang Akaun atau Bank apabila menerima arahan dari Pemegang Akaun ke dalam Akaun ini mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pemegang Akaun mesti memahami sepenuhnya bahawa mendeposit atau memindahkan dana yang tidak mematuhi prinsip-prinsip Syariah ke dalam Akaun ini adalah tidak dibenarkan sama sekali. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip Syariah, Pemegang Akaun bersetuju dan mengaku janji bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang sebab.

4.0 PEMBUKAAN AKAUN

4.1 Pembukaan akaun hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Bank dengan memberikan dokumen yang diperlukan dan maklumat yang dikehendaki sebagai mematuhi prosedur Bank untuk pembukaan akaun. Penerimaan apa-apa permohonan bagi pembukaan akaun dan berterusannya akaun ini keseluruhannya adalah mengikut budi bicara Bank. Deposit yang diterima adalah di dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") sahaja. Walau bagaimanapun, deposit dalam mana-mana matawang lain yang diterima oleh Bank adalah dibenarkan untuk pelanggan Bahagian Pasaran Global.

4.2 Pembukaan Akaun adalah tertakluk di bawah Terma dan Syarat Am yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Khusus dan/atau mana-mana syarat lain yang mungkin terpakai ke atas Akaun dengan ciri-ciri khas seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan dan / atau risalah-risalah khas.

4.3 Atas permintaan Bank, Pemegang Akaun hendaklah memberi spesimen tandatangannya, melaksanakan urusan dokumen dan tindakan berkaitan dan menyediakan dokumen-dokumen (termasuk, dan tanpa had bagi mana-mana dokumen pengenalan untuk pengesahan Bank) untuk dipertimbangkan oleh Bank dalam pembukaan Akaun. Sekiranya Pemegang Akaun gagal berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank, Bank boleh menolak pembukaan Akaun tersebut.

4.4 Penerimaan mana-mana permohonan bagi pembukaan dan penerusan Akaun ini adalah dengan budi bicara Bank.

4.5 Bank boleh menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun, jumlah minimum deposit permulaan yang diperlukan untuk membuka dan mengekalkan Akaun berdasarkan jenis produk.

5.0 DEPOSIT

5.1 Deposit boleh dibuat melalui wang tunai atau cek atau pemindahan telegrafik atau pemindahan dari akaun Bank yang lain atau mana-mana medium yang lain seperti yang dibenarkan oleh Bank.

5.2 Deposit seperti yang dinyatakan pada Klausula 5.1 hendaklah dibuat dengan melengkapkan slip deposit, di mana boleh didapati di cawangan. Apabila Pemegang Akaun melakukan transaksi deposit pada akaun mereka, mereka akan menerima satu salinan slip deposit.

5.3 Penempatan deposit yang dibuat melalui cek sebelum pukul 4 petang akan dikreditkan ke dalam Akaun pada hari yang sama, manakala penempatan deposit melalui cek yang dibuat selepas pukul 4 petang akan dikreditkan pada hari bekerja berikutnya.

- 5.4** Penerimaan cek dan instrumen moneteri untuk pengkreditan Akaun adalah dengan budi bicara Bank.
- 5.5** Semua cek dan instrumen moneteri yang didepositkan atau mana-mana pindahan sama ada melalui pos, telegraf atau elektronik adalah diterima oleh Bank untuk kutipan sahaja dan tidak boleh dipulangkan semula sehingga Bank telah menerima jumlah pindahan tersebut.
- 5.6** Slip Deposit Bertempoh-i akan diberikan kepada Pemegang Akaun semasa penempatan akaun tersebut.
- 6.0 PENGELUARAN WANG**
- 6.1** Sebarang pengeluaran yang dibuat daripada Akaun adalah tertakluk kepada prosedur semasa Bank dan/atau tertakluk kepada prosedur-prosedur lazim pihak Bank.
- 6.2** Sekiranya Pemegang Akaun bercadang untuk menamatkan Akaun, Pemegang Akaun hendaklah mengisi borang permohonan tambahan pelaburan/pengeluaran bagi deposit individu dan bagi bukan-individu supaya memberi surat arahan yang ditandatangani oleh penandatanganan yang diberi kuasa dan yang berdaftar dengan pihak Bank.
- 6.3** Untuk Akaun Korporat dan Akaun Perkongsian, setiap pengeluaran hendaklah dibuat oleh Pemegang Akaun sahaja atau penandatanganan yang diberi kuasa di cawangan Bank di mana akaun diselenggarakan sahaja. Pengeluaran di cawangan Bank lain tidak dibenarkan; Untuk Akaun Individu sebarang pengeluaran boleh dibuat oleh Pemegang Akaun di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana medium atau Perkhidmatan lain seperti yang disediakan oleh Bank.
- 6.4** Pemegang Akaun/ Penandatanganan yang diberi kuasa perlu hadir di cawangan Bank di mana akaun diselenggarakan (untuk Akaun Korporat dan Akaun Perkongsian)/ mana-mana cawangan Bank (Akaun Individu) untuk membuat pengeluaran kecuali terdapat kebenaran bertulis oleh Pemegang Akaun atau penandatanganan yang diberi kuasa bagi mengarahkan cawangan Bank di mana akaun diselenggarakan untuk memindahkan amaun ke mana-mana akaun simpanan seperti yang dinyatakan ketika pembukaan akaun;
- 6.5** Pemegang Akaun dengan ini bersetuju bahawa Bank menentukan setiap amaun yang dibayar kepada Pemegang Akaun bagi TD-i, kecuali jika berlaku kesusilaan ke atas pengiraan keuntungan, adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas Pemegang Akaun;
- 6.6** Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan.
- 7.0 PENGELUARAN AWAL/PRA-MATANG**
- 7.1** Bermula 1 Januari 2019 dan seterusnya, tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran pra-matang sebelum tempoh matang untuk semua penempatan TD-i.
- 7.2** Pemegang Akaun dengan ini bersetuju bahawa Bank menentukan setiap amaun yang dibayar kepada Pemegang Akaun bagi Akaun kecuali jika berlaku kesusilaan ke atas pengiraan keuntungan, adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas Pemegang Akaun.
- 8.0 PEMBAHARUAN DEPOSIT**
- 8.1** Sekiranya tarikh matang jatuh pada hari tidak bekerja, setiap arahan pembaharuan deposit oleh Pemegang Akaun akan dilaksanakan pada hari bekerja berikutnya. Walau bagaimanapun, keuntungan akan terus terkumpul dan dibayar sehingga tarikh pembaharuan tersebut.
- 8.2** Jika Pemegang Akaun tidak memperbaharui Akaun selepas tempoh matang, pihak Bank akan memperbaharui akaun tersebut secara automatik setelah tamat tempoh penempatan sedia ada;
- 8.3** Walaubagaimanapun, pembaharuan secara automatik ini adalah terpakai bagi jumlah tempoh yang tidak melebihi daripada tujuh (7) tahun, jika tidak, ianya akan tertakluk kepada Klausa 22.0 di bawahnya;
- 8.4** Sebarang perubahan ke atas kadar keuntungan bagi Akaun yang diperbaharui tertakluk kepada Kadar Keuntungan semasa Bank yang dipaparkan melalui notis-notis di cawangan Bank atau skrin visual atau terminal atau laman web Bank seperti di alamat www.mbsbbank.com.my atau melalui apa jua kaedah yang dianggap sesuai oleh pihak Bank. Perubahan ke atas kadar keuntungan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh penempatan sedia ada.
- 9.0 AKAUN BERSAMA**
- 9.1** Tanggungan dan kewajipan Pemegang Akaun Bersama adalah bersejajarnya dan berasingan dan notis kepada seorang Pemegang Akaun Bersama dianggap sebagai notis kepada yang seorang lagi.
- 9.2** Bank boleh berurusan secara berasingan dengan setiap Pemegang Akaun Bersama ke atas mana-mana perkara berkenaan dengan Akaun Bersama, termasuk melepaskan apa-apa tanggungjawab sehingga mana-mana tahap, tanpa menjejaskan tanggungjawab Pemegang Akaun Bersama yang lain.
- 9.3** Tanpa mengambil kira mana-mana terma mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun Bersama kepada Bank, mana-mana Pemegang Akaun Bersama boleh menarik balik/membatalkan mandatnya seperti yang diberikan kepada Bank.
- 9.4** Jika mana-mana Pemegang Akaun Bersama membatalkan mandatnya, Bank boleh membekukan semua pengeluaran daripada Akaun Bersama sehingga menerima arahan secara bertulis daripada semua Pemegang Akaun Bersama untuk mengaktifkan semula Akaun Bersama berserta dengan mandat yang baru.
- 9.5** Arahan daripada Pemegang Akaun Bersama untuk membekukan Akaun Bersama akan dianggap bermaksud mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun Bersama telah dibatalkan dan Bank akan membekukan semua pengeluaran daripada Akaun Bersama sehingga menerima arahan secara bertulis daripada semua Pemegang Akaun Bersama.
- 9.6** Pemegang Akaun Bersama memberi kuasa kepada Bank untuk menerima bagi mengkreditkan ke dalam Akaun Bersama mana-mana cek yang kena bayar kepada salah seorang Pemegang Akaun Bersama secara peribadi/berdua/lebih dan mereka secara bersejajarnya bersetuju bahawa Bank tidak perlu risau sama ada cek yang dikeluarkan tanpa pengetahuan semua Pemegang Akaun Bersama/ bagaimana amaun dikreditkan ke dalam Akaun Bersama dikeluarkan asalkan permohonan/ pengeluaran adalah selaras dengan mandat yang telah diberikan kepada Bank.
- 10.0 AKAUN PERKONGSIAN**
- 10.1** Akaun perkongsian ini akan dikendalikan oleh penandatanganan yang diberi kuasa selaras dengan spesimen tandatangan Pemegang Akaun perkongsian, mandat atau resolusi lembaga pengarah yang berdaftar dengan Bank. Arahan atau syarat-syarat tertentu untuk mengendalikan Akaun ini oleh penandatanganan yang diberi kuasa hendaklah jelas, secara bertulis dan di dalam terma yang diterima oleh Bank.
- 10.2** Kad spesimen Pemegang Akaun, mandat atau resolusi lembaga pengarah (mana yang berkenaan) akan terus berkuatkuasa ke atas Akaun Perkongsian melainkan ianya dibatalkan secara bertulis oleh Pemegang Akaun. Bank adalah dilepaskan daripada sebarang tanggungjawab kerana melaksanakan mandat Pemegang Akaun atau resolusi lembaga pengarah untuk Akaun Perkongsian sehingga masa yang tepat pembatalan mandat atau resolusi lembaga pengarah diberitahu secara bertulis dan diakui diterima oleh Bank.
- 10.3** Pemegang Akaun hendaklah memastikan bahawa tandatangan bagi arahan dan komunikasi dengan Bank adalah sepadan dengan

spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank atau mana-mana dokumen yang mengandungi spesimen tandatangan Pemegang Akaun, mandat atau resolusi lembaga pengarah, jika gagal berbuat demikian, Bank boleh menolak untuk melaksanakan arahan yang sama. Walau bagaimanapun, Bank boleh bertindak atas arahan dan komunikasi Pemegang Akaun walaupun tandatangan itu berbeza dari tandatangan spesimen sekiranya arahan dan komunikasi disahkan sebagai dari Pemegang Akaun Perkongsian.

- 10.4** Apabila membuka Akaun, Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah memberikan Bank senarai nama dan spesimen tandatangan penandatanganan yang diberi kuasa melalui surat/dokumen yang dialamatkan kepada Bank dan ditandatangani oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian. Peruntukan yang sama adalah terpakai apabila terdapat sebarang perubahan penandatanganan yang Diberi Kuasa di dalam Akaun Perkongsian. Surat/dokumen sedemikian hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.
- 10.5** Mandat pertama yang diberikan ke atas Akaun Perkongsian hendaklah kekal berkuatkuasa sehingga dibatalkan secara bertulis oleh semua rakan kongsi pada masa material perkongsian, walaupun terdapat perubahan nama di dalam perkongsian/apa-apa perubahan di kalangan rakan kongsi melalui kematian, muflis, pesaraan rakan kongsi/kemasukan rakan kongsi baru.
- 10.6** Jika tiada perubahan/pembatalan Mandat terdahulu yang diterima oleh Bank, Bank berhak menganggap rakan kongsi yang masih hidup/berterusan pada masa itu mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan rakan kongsi dan berurusan dengan Akaun Perkongsian seolah-olah tiada perubahan di dalam perkongsian.
- 10.7** Dalam hal, Pemegang Akaun Perkongsian memberi kuasa kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan secara bertulis untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan dengan Akaun Perkongsian, maka Bank telah diberi kuasa untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak terhadap arahan dan pengesahan tersebut. Bank tidak akan bertanggung jawab ke atas mana-mana kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Akaun Perkongsian disebabkan Bank telah menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.
- 10.8** Jika Pemegang Akaun Perkongsian mempunyai lebih daripada satu penandatanganan yang diberi kuasa, Bank boleh bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana penandatanganan yang diberi kuasa ke atas apa-apa arahan/cek/instrumen kewangan yang lain yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun Perkongsian. Pengesahan seumpama itu adalah terikat ke atas Pemegang Akaun Perkongsian.
- 10.9** Buku cek Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah disimpan dengan selamat oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Perkongsian di dalam persekitaran yang selamat, hanya boleh diperolehi oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Perkongsian.
- 10.10** Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek Pemegang Akaun Perkongsian/salah guna mandat jika Pemegang Akaun Perkongsian telah mengamanahkan buku cek kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan untuk disimpan secara selamat.
- 10.11** Apabila Bank pada pendapatnya menganggap penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Perkongsian menyalahgunakan terma-terma mandat, Bank boleh menolak untuk melaksanakan mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh penandatanganan lain yang Diberi Kuasa/rakan kongsi Pemegang Akaun Perkongsian. Bank boleh membekukan Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.
- 10.12** Bank boleh membekukan Akaun Pemegang Perkongsian jika:
- arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh berlainan penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Perkongsian;
 - apa-apa bukti pemalsuan tandatangan penandatanganan yang

diberi kuasa/ rakan kongsi dimaklumkan kepada Bank tertakluk selanjutnya kepada laporan polis diberikan kepada Bank sebelum membeku Akaun Perkongsian dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Perkongsian sebelum penerimaan laporan polis.

- 10.13** Bagi tujuan menentukan rakan kongsi di dalam perkongsian pada waktu yang material, Bank boleh bergantung kepada rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun Perkongsian.
- 10.14** Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Klausa 10.0, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Pemegang Akaun di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua rakan kongsi Pemegang Akaun Perkongsian.
- ## **11.0 AKAUN KORPORAT**
- 11.1** Akaun Korporat akan dikendalikan oleh penandatanganan yang diberi kuasa mengikut butiran spesimen tandatangan, mandat atau resolusi lembaga pengarah Pemegang Akaun yang didaftarkan dengan Bank. Arahan atau syarat khusus untuk mengendalikan Akaun Korporat oleh penandatanganan yang diberi kuasa mestilah jelas, secara bertulis dan hendaklah di dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank.
- 11.2** Apabila membuka Akaun Korporat, Pemegang Akaun Korporat hendaklah memberi kepada Bank senarai nama dan tandatangan spesimen penandatanganan yang diberi kuasa melalui salinan resolusi pengarah yang disahkan. Peruntukan yang sama adalah terpakai apabila terdapat sebarang perubahan kepada penandatanganan yang diberi kuasa bagi Akaun Korporat. Salinan resolusi pengarah yang disahkan berasal daripada Pemegang Akaun Korporat atau setiausaha syarikat hendaklah diterima oleh Bank sebagai bukti muktamad.
- 11.3** Kad spesimen pemegang Akaun Korporat, mandat atau resolusi lembaga pengarah (jika berkenaan) akan terus berkuatkuasa berkenaan dengan Akaun Korporat sehingga ianya dibatalkan secara bertulis oleh Pemegang Akaun Korporat. Bank akan dilepaskan daripada sebarang tanggungjawab kerana bertindak ke atas mandat Pemegang Akaun Korporat atau resolusi lembaga pengarah yang diberikan untuk Akaun Korporat sehingga masa yang tepat pembatalan mandat Pemegang Akaun atau resolusi lembaga pengarah dimaklumkan secara bertulis kepada Bank dan diakui diterima oleh Bank.
- 11.4** Pemegang Akaun hendaklah memastikan bahawa tandatangan bagi arahan dan komunikasi dengan Bank adalah sepadan dengan spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank atau mana-mana dokumen yang mengandungi spesimen tandatangan Pemegang Akaun, mandat atau resolusi lembaga pengarah, jika gagal berbuat demikian, Bank boleh menolak untuk melaksanakan arahan yang sama. Walau bagaimanapun, Bank boleh bertindak atas arahan dan komunikasi Pemegang Akaun walaupun tandatangan itu berbeza dari tandatangan spesimen sekiranya arahan dan komunikasi disahkan sebagai dari Pemegang Akaun Korporat.
- 11.5** Dalam hal Pemegang Akaun Korporat yang telah memberi kuasa secara bertulis kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan untuk memberi arahan dan pengesahan kepada Bank berkenaan Akaunnya, maka Bank diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Korporat untuk melaksanakan, bergantung dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin akan ditanggung akibat daripada Bank menerima dan bertindak ke atas arahan dan pengesahan sedemikian.
- 11.6** Jika Pemegang Akaun Korporat mempunyai lebih daripada satu penandatanganan yang Diberi Kuasa, Bank boleh bergantung dan bertindak ke atas pengesahan yang diberikan oleh mana-mana penandatanganan yang diberi kuasa ke atas mana-mana arahan/cek/instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun Korporat. Pengesahan seumpama itu adalah mengikat Pemegang Akaun Korporat.

- 11.7** Buku cek Pemegang Akaun Perkongsian hendaklah disimpan dengan selamat oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Korporat di dalam persekitaran yang selamat, hanya boleh diperolehi oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Korporat.
- 11.8** Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pemalsuan cek Pemegang Akaun Korporat/salah guna Mandat Pemegang Akaun Korporat jika Pemegang Akaun Korporat telah mengamanahkan buku cek untuk disimpan secara selamat kepada penandatanganan yang tidak dibenarkan.
- 11.9** Apabila Bank pada pendapatnya menganggap penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Korporat menyalahgunakan terma-terma mandat, Bank boleh menolak melaksanakan mandat sehingga Bank diberi penjelasan yang munasabah oleh penandatanganan lain yang diberi kuasa/semua pengarah pada masa material Pemegang Akaun Korporat. Bank boleh membeku Akaun untuk sementara waktu sehingga isu tersebut diselesaikan.
- 11.10** Bank boleh membeku Akaun Pemegang Korporat jika:
- arahan serentak yang bercanggah diberikan kepada Bank oleh berlainan penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pemegang Akaun Pemegang Korporat;
 - mana-mana bukti pemalsuan tandatangan penandatanganan yang diberi kuasa/ pengarah dimaklumkan kepada Bank tertakluk selanjutnya kepada laporan polis diberikan kepada Bank sebelum membeku Akaun Korporat dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Akaun Korporat sebelum penerimaan laporan polis.
- 11.11** Melainkan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Klausa 11.0, semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Pemegang Akaun di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan sebagai kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas semua pengarah Pemegang Akaun Korporat.
- 11.12** Bagi tujuan menentukan pengarah-pengarah Pemegang Akaun Korporat pada bila-bila masa material, Bank boleh bergantung kepada rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan rekod-rekod tersebut adalah muktamad dan mengikat Pemegang Akaun Korporat. Selanjutnya tertakluk, jika rekod-rekod yang terdapat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak dikemaskini, Bank boleh bergantung kepada mana-mana sijil yang diberikan kepadanya oleh setiausaha syarikat Pemegang Akaun.
- 12.0 PENYATA AKAUN**
- 12.1** Penyata akaun TD-i dihasilkan setiap tahun.
- 12.2** Penyata Akaun yang menyenaraikan semua transaksi TD-i (iaitu penempatan/ pengeluaran) dalam tempoh tersebut akan disediakan dalam penyata dalam talian melalui perkhidmatan Perbankan Internet Bank (M-Journey).
- 12.3** Jika Pemegang Akaun tidak memilih untuk menerima penyataanya melalui Perbankan Internet Bank (M-Journey), salinan penyata akan dihantar kepada Pemegang Akaun melalui pos di alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank atau mana-mana medium atau Perkhidmatan lain seperti yang disediakan oleh Bank.
- 12.4** Pemegang Akaun juga boleh membuat permintaan untuk mendapatkan penyata akaun di mana-mana cawangan Bank, melalui e-mel atau faks tertakluk kepada caj semasa yang dikenakan oleh Bank.
- 12.5** Pemegang Akaun hendaklah mengesahkan semua entri dalam apa-apa penyata yang dikeluarkan oleh Bank dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis bagi apa-apa kesilapan atau percanggahan dalam penyata itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyata. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa makluman dalam tempoh yang ditetapkan, entri dalam penyata itu disifatkan sebagai betul, terikat, muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 13.0 CAGARAN SEBAGAI SEKURITI**
- 13.1** Akaun TD-i boleh dicagarkan sebagai sekuriti bagi sesuatu pelaksanaan atau tanggungan atau liabiliti bagi mana-mana Pemegang Akaun Bank, yang mana berkenaan. Melainkan yang dinyatakan, Akaun TD-i tidak boleh dicagar dengan apa-apa alasan yang lain.
- 14.0 PENGABUNGAN DAN HAK UNTUK MENOLAK SELESAI**
- 14.1** Pihak Bank, sebagai tambahan ke atas mana-mana lien am atau mana-mana hak yang berkaitan di bawah undang-undang Malaysia yang terpakai, boleh pada bila-bila masa, dengan notis yang secukupnya, menggabungkan mana-mana atau kesemua akaun kemudahan (jika ada) dengan liabiliti Pemegang Akaun terhadap pihak Bank. Dengan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) kepada Pemegang Akaun, Bank boleh juga menolak selesai atau memindahkan mana-mana jumlah atau jumlah terkini bagi salah satu akaun kredit atau akaun- akaun Bank yang lain ke atas keperluan daripada mana-mana liabiliti kepada pihak Bank sama ada yang akaun utama atau cagaran atau akaun bersama atau akaun berasingan.
- 14.2** Pemegang Akaun bersetuju sekiranya terdapat keadaan di mana Pemegang Akaun ingkar dalam pembayaran mana-mana keberhutangan (sama ada yang benar, luar jangka, semasa atau masa hadapan) yang kena dibayar kepada Bank sama ada secara perseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain termasuk keuntungan atau caj ("Keberhutangan"), pihak Bank boleh membekukan sebahagian baki yang ada bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran ingkar Keberhutangan dan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Pemegang Akaun untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.
- 14.3** Jika Pemegang Akaun gagal untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan dalam tempoh tujuh (7) hari tersebut, pihak Bank boleh menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian baki yang ada dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan (walaupun ianya melibatkan pengeluaran awal sebarang Akaun Deposit Bertempoh Islamik sebelum tarikh matang).
- 14.4** Bagi mengelak sebarang kekeliruan, hak Bank untuk menolak selesai di sini boleh dilaksanakan oleh Bank:
- walaupun ke atas Akaun Bersama, walaupun keberhutangan kena dibayar oleh mana-mana Pemegang Akaun Bersama kepada Bank; dan
 - di mana baki yang ada di dalam Akaun adalah kredit bersama Akaun lain kepunyaan Pemegang Akaun yang mempunyai baki debit dengan jumlah yang kena dibayar kepada Bank; dan
 - walaupun berlakunya kematian ke atas Pemegang Akaun, kebangkrapan/ke tidakmampuan bayar (insolvensi), kedudukannya dengan pemutang atau apa-apa prosiding perundangan terhadap Pemegang Akaun.
- 15.0 KELAYAKAN DEPOSITOR UNTUK BERKONTRAK**
- 15.1** Pemegang Akaun mestilah mempunyai kapasiti untuk menyertai sesuatu kontrak. Di bawah polisi Bank, hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun adalah layak untuk membuka akaun peribadi mereka. Seseorang kanak-kanak juga boleh membuka akaun mereka dengan syarat akaun tersebut hendaklah dibuka bersama dan hanya dikendalikan oleh ibu bapa/penjaga yang sah ("Pemegang Amanah").
- 15.2** Akaun boleh ditutup di atas permintaan Pemegang Akaun, mengikut undang-undang Malaysia yang terpakai. Bank boleh membekukan akaun tersebut jika berlakunya kematian, kebangkrapan atau ketidaksiuan pada pemegang akaun.
- 16.0 KEHILANGAN / KEROSAKAN SLIP DEPOSIT BERTEMPOH-I**
- 16.1** Pemegang Akaun hendaklah menyimpan Slip Deposit Bertempoh-i dengan selamat dan dikehendaki untuk melaporkan dengan segera secara bertulis kepada pihak Bank jika berlaku kehilangan atau kecurian. Penggantian Slip Deposit Bertempoh-i yang telah hilang

boleh dilakukan sekiranya Surat Indemniti telah ditandatangani, tertakluk kepada bayaran telah dibuat bagi duti setem dan caj perkhidmatan sebanyak RM5.00 atau apa-apa jumlah yang dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa; Penggantian Slip Deposit Bertempoh-*i* hanya boleh dilakukan di cawangan Bank di mana akaun ini diselenggarakan dan di mana ianya tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal operasi Slip Deposit Bertempoh-*i*.

17.0 PEMBEKUAN / PENUTUPAN AKAUN

17.1 Pemegang Akaun (Peribadi, Pemegang Akaun Bersama dan Pemegang Amanah untuk Akaun minor) hendaklah hadir di mana-mana cawangan Bank untuk urusan penutupan akaun.

17.2 Bagi akaun bukan individu, penutupan akaun hendaklah mengikut terma dan syarat yang tertera di dalam mandat yang telah diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank.

17.3 Bank boleh membekukan / menutup akaun Pemegang Akaun di atas permintaan Pemegang Akaun mengikut undang-undang Malaysia yang terpakai

17.4 Akaun boleh dibekukan / ditutup jika berlakunya mana-mana perkara berikut:-

- i. Setelah menerima permintaan bertulis oleh Pemegang Akaun; atau
- ii. Pemegang Akaun telah bankrap atau muflis; atau
- iii. Pengeluaran oleh Pemegang Akaun ke atas semua atau sebahagian daripada jumlah deposit yang diletakkan; atau
- iv. Semasa carian hasil dengan CTOS dan senarai negatif dalaman dan disahkan bahawa Pemegang Akaun adalah bankrap atau dibawah pembubaran (secara sukarela atau wajib) atau disenaraihitamkan; atau
- v. Pemegang Akaun melakukan pelanggaran pada mana-mana terma dan syarat yang tertakluk; atau
- vi. Bank mengesyaki Akaun digunakan untuk atau terlibat dalam penipuan atau aktiviti penipuan yang disyaki; atau
- vii. Bank berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk membuka Akaun adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diganggu dan/atau salah nyata identiti; atau
- viii. Apabila Bank menerima sebarang aduan yang dibuat oleh pihak ketiga dengan pihak berkuasa bahawa Akaun telah digunakan untuk sebarang transaksi penipuan dan/atau deposit dan/atau penipuan dan/atau meminta deposit haram; atau
- ix. Siasatan sedang dijalankan oleh Pihak Berkuasa atau kami terhadap anda atau Akaun Perbankan; atau
- x. Arahan daripada mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang / pengawal selia yang berkaitan; atau
- xi. Selepas kematian Pemegang Akaun atau Penandatanganan Dibenarkan; atau
- xii. Akaun Dorman yang tidak mempunyai apa-apa baki atau baki RM10.00 ke bawah.
- xiii. Situasi yang tidak patuh Syariah.

17.5 Di samping hak Bank yang terkandung dalam Klausa 17.4 di atas, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank boleh menutup mana-mana akaun dengan memberi notis yang mencukupi kepada Pemegang Akaun (di mana dianggap sesuai).

17.6 Pemegang Akaun hendaklah mematuhi semua kehendak pihak Bank dan juga prosedur untuk penutupan akaun, termasuk bayaran apa-apa caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Bank bagi penutupan akaun ini (jika ada).

18.0 JIKA BERLAKU KEMATIAN

18.1 Tertakluk kepada mana-mana undang-undang Malaysia yang berkaitan dengannya, jika berlaku kematian ke atas salah seorang Pemegang Akaun Bersama, Bank boleh menahan mana-mana baki kredit atau baki terkini atau baki terkemudian ke mana-mana akaun

peribadi atau akaun bersama atau mana-mana sekuriti yang dimiliki pemegang akaun bersama atas arahan dan tanpa prejudis ke atas hak Bank untuk menggabungkan atau menolak selesai yang tertakluk di sini (Bank akan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) kepada Pemegang Akaun sebelum penolakan selesai tersebut) atau hak-hak Bank yang berkaitan dengan mana-mana baki akaun atau sekuriti yang timbul daripada mana-mana tuntutan cagaran, lien atau mana-mana langkah di mana Bank fikirkan perlu diambil berdasarkan mana-mana tuntutan dibuat oleh mana-mana pihak yang lain.

18.2 Sekiranya berlaku kematian ke atas mana-mana pemegang akaun bersama, Bank dibenarkan untuk membayar baki akaun tersebut kepada pemegang akaun yang masih hidup dan pembayaran tersebut merupakan pelepasan yang sah oleh Bank bagi keseluruhan baki akaun.

19.0 PERUBAHAN DALAM BUTIRAN

19.1 Pemegang Akaun hendaklah memberi notis dengan segera kepada Bank secara bertulis mengenai pertukaran alamat surat menyurat, nombor telefon /telefon bimbit /faks /e-mel dan/ atau butiran lain yang direkodkan dengan Bank.

19.2 Pertukaran alamat Pemegang Akaun dengan apa-apa cara sekalipun tidak akan berkuatkuasa dan/atau mengikat ke atas Bank kecuali notis sebenar mengenai pertukaran alamat telah diterima dan diakui sah oleh Bank.

19.3 Semua komunikasi yang perlu diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain harus dihantar melalui pos berdaftar atau melalui serahan tangan dan akan dianggap telah diserahkan (tertakluk tiada pemberitahuan atau surat dikembalikan/gagal dihantar/tidak dituntut):

- i. sekiranya melalui pos berdaftar, selepas tiga (3) hari bekerja ia diposkan termasuk hari yang mana ia diposkan;
- ii. sekiranya melalui serahan tangan, pada masa ia diterima oleh pihak tersebut.

20.0 FI DAN CAJ

20.1 Bank boleh mengenakan fi dan caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun seperti yang dipersetujui/dipohon oleh Pemegang Akaun.

20.2 Butir-butir fi dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank boleh didapati di cawangan Bank dan laman sesawang Bank;

20.3 Bank boleh pada bila-bila masa dengan notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) dihantar kepada Pemegang Akaun mengubah kadar semasa dan/atau jumlah bayaran fi atau caj yang perlu dibayar oleh Pemegang Akaun. Perubahan tersebut adalah berdasarkan dengan mana-mana keperluan Syariah atau undang-undang Malaysia yang berkaitan dan akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan pada notis tersebut, di mana penguatkuasaannya adalah tidak kurang daripada tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis tersebut.

20.4 Sekiranya terdapat mana-mana Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada Pemegang Akaun adalah tertakluk kepada cukai dan/atau levi peraturan maka amaun kepada cukai dan/atau levi peraturan di atas fi dan caj tersebut itu adalah ditanggung dan dibayar oleh Pemegang Akaun.

21.0 AKAUN DORMAN / TIDAK AKTIF

21.1 Akaun dormant ditakrifkan sebagai akaun yang tidak mempunyai sebarang transaksi untuk tempoh satu tahun. Surat peringatan akan dihantar kepada Pemegang Akaun sekiranya akaun tersebut akan menjadi dormant;

21.2 Bagi akaun dormant dengan jumlah baki sebanyak RM10.00, Bank boleh menutup akaun tersebut dan menyerap baki sebagai caj;

21.3 Bagi akaun dorman dengan jumlah baki melebihi RM10.00, Bank boleh mengenakan yuran perkhidmatan tahunan tidak melebihi RM10.00 sehingga jumlah baki yang selebihnya akan dipindahkan sebagai wang tidak dituntut menurut Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (sila rujuk Klausa 22.0 bagi klausa Akta Wang Tak Dituntut 1965);

21.4 Tiada caj akan dikenakan ke atas pengaktifan akaun dorman.

22.0 AKTA WANG TIDAK DITUNTUT 1965

22.1 Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (suatu akta yang berkaitan dengan pembayaran wang yang tidak dituntut kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan), wang yang tidak dituntut bermaksud kesemua jumlah wang di dalam akaun yang tidak dikendalikan dengan apa cara sekali pun oleh pemilik untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun. Wang yang tidak dituntut kemudiannya akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut (RUM). Sebelum dana dari sesuatu akaun dorman dipindahkan kepada RUM itu, notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) akan diberikan kepada Pemegang Akaun sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pemindahan berlaku.

23.0 PINDAAN KE ATAS TERMA DAN SYARAT

23.1 Dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik), Bank boleh mengubahsuai, menukar, mengubah, membuat variasi, menyusun semula produk TD-i ("Produk") ini dan/atau menambah, memadam atau mengubah mana-mana atau semua terma dan syarat ini, termasuk sifat Produk ini, pada bila-bila masa dan tertakluk setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkaitan oleh pihak berkuasa. Perubahan sedemikian akan berkuatkuasa selepas tempoh dua puluh satu (21) hari selepas tempoh notis tersebut berakhir.

24.0 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR

24.1 Perjanjian ini adalah ditadbir oleh, ditafsirkan dan digunakan selaras dengan bidang kuasa dan undang-undang Malaysia yang terpakai.

24.2 Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mematuhi setiap peruntukan bagi undang-undang bertulis di Malaysia yang harus mereka patuhi termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (suatu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya) dan mana-mana akta, enakmen atau ordinar atau undang-undang berkaitan, peraturan-peraturan atau lain-lain perundangan subsidiari di bawah akta, enakmen atau ordinar atau mana-mana arahan, perintah, keperluan atau arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa di bawah undang-undang bertulis di Malaysia.

25.0 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

25.1 Pemegang Akaun dengan ini mengisytiharkan dan bersetuju bahawa mana-mana data/ maklumat (termasuk data peribadi) yang berkaitan atau yang dirujuk atau berkaitan dengan permohonan Pemegang Akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hal-ehwal Pemegang Akaun sama ada di sini atau kemudiannya pada permohonan ini boleh digunakan atau didedahkan oleh Bank bagi tujuan pemprosesan permohonan ini atau bagi menyediakan perkhidmatan seterusnya atau lain-lain produk dan perkhidmatan dan/ atau pemasaran langsung (jika berkenaan) untuk berkomunikasi dengan Pemegang Akaun bagi tujuan tersebut.

26.0 PENGISYTIHARAN

26.1 Pemegang Akaun dengan ini mengisytiharkan bahawa semua kenyataan dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan betul berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka.

27.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

27.1 Bank dibenarkan/diberi kuasa untuk mendedahkan, mengguna

pakai, dan mendapatkan mana-mana maklumat berhubung dengan Pemegang Akaun, akaun atau perkara-perkara yang berkaitan selaras dengan mana-mana peruntukan undang-undang Malaysia yang terpakai, peraturan, garis panduan atau arahan.

28.0 PELBAGAI

28.1 Pemegang akaun boleh membuat aduan tentang produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada alamat berikut:

Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan
Menara MBSB Bank, PJ Sentral, Lot 12
Jalan Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor D.E.
No. Tel: 03-2096 3000
Emel: complaint@mbsbbank.com / enquiry@mbsbbank.com
Web: www.mbsbbank.com

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[TAMAT]